

5 bidang tumpuan perkukuh hubungan ASEAN, Australia

Malaysia lihat potensi besar sokongan Canberra perkasa ekosistem PMKS

Daripada Shahrizan Salian
shnews@bh.com.my

Melbourne



Datuk Seri Anwar Ibrahim menggariskan lima bidang tumpuan bagi memperkukuh hubungan akrab ASEAN dengan Australia yang terjalin sejak 50 tahun lalu, antaranya kerjasama ekonomi menerusi pemerksaan ekosistem perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Perdana Menteri berkata, Malaysia melihat potensi besar sokongan dari Australia untuk memperkasa ekosistem PMKS ASEAN, terutama menerusi transformasi digital, pembinaan kapasiti, akses pasaran, amalan mampan dan mengupaya penyertaan yang saksama dalam kalangan PMKS.

“Di bawah Protokol Kedua Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-New Zealand, kita sewajarnya mempercepat penggunaan dan libat urus pernia-



Anwar bersama Perdana Menteri Australia, Anthony Albanese serta pemimpin negara ASEAN pada sesi pemukiman sempena Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia di Melbourne, semalam. (foto BERNAMA)

gaan, terutama bagi PMKS.

“Malaysia komited terhadap pembangunan PMKS sebagai pemacu bagi peluang pekerjaan; inovasi dan kedinamikan ekonomi,” katanya ketika berucap dalam sesi pleno bertajuk: Semakan dan Hala Tuju Masa Hadapan Hubungan Dialog ASEAN-Australia pada Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia di sini, semalam.

Sidang kemuncak itu dihadiri oleh semua negara anggota ASEAN kecuali Myanmar, selain tiga negara jemputan iaitu New Zealand, Timor Leste dan Papua New Guinea.

Anwar berkata, bidang tumpuan kedua bagi mempererat hu-

ngan ASEAN-Australia ialah peralihan tenaga, khususnya pada ketika Malaysia mahu mencapai peralihan saksama dalam sektor teknologi, pelepasan gas rumah hijau sifar bersih menjelang 2050, dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara.

“Kita sedia bekerjasama dengan Australia ketika ASEAN mahu mempercepat perjalanan peralihan tenaga. Saya mahu berkongsi Malaysia akan menjadi hos Forum Pekerjaan Hijau ASEAN tahunan yang pertama di Kuala Lumpur bulan depan, dengan sokongan Australia.

“Inisiatif merentas sektor ini dijangka menyumbang kepada pekerjaan hijau dan pembangu-

nan kemahiran hijau di rantau ini,” katanya.

Bagi memantapkan kesalinghubungan ASEAN-Australia yang juga bidang tumpuan ketiga digariskan oleh negara ini, Perdana Menteri turut berkongsi Malaysia akan menjadi hos bersama Forum Kesalinghubungan Maritim dengan Australia dan Korea Selatan pada Jun ini.

“Pakar akan berbincang mengenai pendigitalan dan automasi pendigitalan dengan pandangan untuk terus mengukuhkan lagi kapasiti infrastruktur kita,” katanya.

Beralih kepada bidang pempa-

ngunan modal insan, Anwar berkata, beliau amat menggalakkan kerjasama Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) diperluas dengan memasukkan disiplin baharu seperti teknologi hijau, Revolusi Perindustrian Keempat dan kepintaran buatan.

Perdana Menteri turut menjelaskan Malaysia, Australia dan Timor Leste berjaya melaksana program pembinaan kapasiti tiga hala pada 2023, bagi memudahkan peralihan Timor Leste kepada keanggotaan penuh ASEAN.

“Pegawai kami ketika ini sedang mengadakan perbincangan untuk menjalankan program kedua yang akan dilaksanakan akhir tahun ini,” katanya.